

## UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:-

### Pejabat Am

Fakulti Pertanian Lestari  
Tel : 6089 – 634000 samb. 310000  
Faks : 6089 - 634111  
E-mel : [pejfp@ums.edu.my](mailto:pejfp@ums.edu.my)

## Pengenalan

Fakulti Pertanian Lestari yang ditubuhkan pada 4 Mei 2006 dengan matlamat untuk melatih modal insan dalam bidang pengeluaran tanaman, hortikultur dan landskap, dan pengeluaran ternakan. Modal insan terlatih ini akan membantu menaikkan bidang pertanian negara berdasarkan 3 prinsip utama iaitu kelestarian, kepekaan dan teknologi tinggi. Fakulti ini bercita-cita untuk cemerlang dalam bidang pertanian melalui aktiviti penyelidikan inovasi dan perkembangan pertanian serta menyebarkan ilmu terkini dalam pertanian.

## Visi

Fakulti Pertanian Lestari bertekad menjadi sebuah pusat pengajian ilmu pertanian terkemuka di rantau ini yang menekankan kepada prinsip kelestarian, kepekaan dan teknologi tinggi.

## Misi

Fakulti Pertanian Lestari bertekad untuk melahirkan graduan yang memiliki ilmu pengetahuan seimbang dalam bidang pertanian yang menepati piawaian pertanian antarabangsa melalui pengajaran dan pembelajaran, penerbitan dan penglibatan dalam komuniti.

## Objektif

- Melatih dan membangun tenaga kerja yang berpengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian bagi membantu meningkatkan produktiviti pertanian negara melalui pengajaran, pembelajaran dan bimbingan yang efektif.
- Menggalakkan dan mendedahkan pelajar dalam penyelidikan dan pembangunan pertanian.
- Menyediakan fasiliti dan sumber untuk penyelidikan pertanian.
- Mewujudkan pusat rujukan ilmu pertanian melalui penyediaan khidmat makmal dan ladang pertanian yang lengkap dan berteknologi tinggi serta secara tidak langsung, menggalakkan perkembangan penyelidikan pertanian yang komprehensif dan terfokus.
- Menyampaikan dan mengaplikasi hasil penyelidikan kepada masyarakat dan pihak berkepentingan melalui media massa, dokumentasi visual, seminar, persidangan dan penerbitan.

## PROGRAM PENGAJIAN

### HG34 PENGELUARAN TANAMAN

Program Pengeluaran Tanaman bertujuan untuk melatih tenaga manusia dalam bidang pengeluaran tanaman untuk membantu meningkatkan produktiviti pertanian nasional. Teknik serta kemajuan terkini dalam pengeluaran dan pengurusan makanan seperti padi, jagung, ubi kayu, sagu dan sebagainya serta tanaman industri seperti kelapa sawit, getah, koko, kelapa yang terhasil dari penyelidikan kontemporari akan disebarluaskan kepada pelajar.

#### **Pospek Kerjaya**

Agronomis, Pegawai Pertanian, Usahawantani, Pengurus Ladang, Pegawai Pengembangan, Penyelia Ladang, Pensyarah, Saintis.

### HG35 HORTIKULTUR DAN LANDSKAP

Program Hortikultur dan Landskap merupakan gabungan antara seni dan sains dalam pengeluaran, penggunaan dan pemuliharaan tanaman hortikultur, sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga, tumbuhan hiasan, dan herba dan rempah. Program ini bertekad untuk menghasilkan graduan berkemahiran yang mampu menyumbangkan pengetahuan saintifik dan teknikal ke arah kelestarian pengeluaran tanaman khususnya tanaman makanan, peningkatan kualiti alam sekitar, dan kecekapan dalam menangani cabaran di dalam industri hortikultur.

#### **Pospek Kerjaya**

Hortikulturis, Pereka Landskap (hortikultur), Konsultan Landskap (hortikultur), Pegawai Kuarantin, Pegawai Pertanian, Pegawai Pencegahan Makhluk Perosak, Pemiakbaka Tanaman, Pensyarah, Penyelidik, Saintis, Agronomis, Usahawantani, Pengurus Ladang dan Pegawai Pengembangan Pertanian.

### HG36 PENGELUARAN TERNAKAN

Program Pengeluaran Ternakan mengutamakan pembangunan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini dalam pelbagai bidang pengeluaran ternakan dalam usaha mempertingkatkan keberkesanan pengeluaran dan saingan dalam sektor penternakan tempatan dan global. Tumpuan pengajaran dan penyelidikan adalah pada teknologi-teknologi pembiakbakaan baka, fisiologi dan teknik pembiakan, pemakanan haiwan, penyakit dan kesihatan dan pemprosesan hasil ternakan. Melalui program ini graduan akan lebih peka pada isu dan masalah dalam pengeluaran ternakan. Graduan juga akan terlibat dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran produk ternakan yang bermutu dan selamat.

#### **Pospek Kerjaya**

Pengusaha, Pegawai Ternakan, Pengurus Ladang Ternakan, Pegawai Kuarantin, Pemiakbaka Ternakan, Pedagang Ternakan, Pengurus Kawalan Kualiti Pemprosesan Makanan, Pegawai Kawalan Kualiti Makanan Ternakan, Konsultan Penternakan, Pensyarah, Penyelidik, Saintis.

**TENAGA PENGAJAR : [www.ums.edu.my/fpl/](http://www.ums.edu.my/fpl/)**